



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT Sulit 495 Jld. 9 / (23)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

14 September 2026

2 Rabiulakhir 1448H

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan,

PEPERIKSAAN BERTULIS DI BAWAH BAHAGIAN I PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011 (PPJTB 2011) DAN BAHAGIAN II PERATURAN- PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2024 (PPJTB 2024)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, peruntukan berkenaan peperiksaan bertulis dalam PPJTB 2011 (Peraturan Ibu) terletak di bawah Peperiksaan Bahagian I manakala dengan pewartaan PPJTB (pindaan) 2024 pada 22 Oktober 2024, peperiksaan bertulis telah diletakkan di bawah Peperiksaan Bahagian II.

3. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan peperiksaan tersebut pada **4 November 2026**. Berikut adalah syarat-syarat bagi calon (orang yang masih aktif berartikel) yang ingin memohon untuk mendudukinya:

- 3.1 individu yang masih berdaftar sebagai orang berartikel sebelum berkuat kuasa PPJTB 2024 (sebelum 23 Oktober 2024) walaupun tempoh artikel kurang daripada dua (2) tahun; atau
- 3.2 individu yang masih berdaftar sebagai orang berartikel selepas berkuat kuasa PPJTB 2024 dan tempoh artikel perlu sekurang-kurangnya dua (2) tahun; atau
- 3.3 seorang juruukur Kerajaan yang masih berdaftar sebagai orang berartikel; atau
- 3.4 seorang yang masih berartikel dan bekerja sebagai pensyarah dengan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman di mana-mana institusi pengajian tinggi di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173], atau mana-mana institusi yang diiktiraf Lembaga; dan
- 3.5 Bayaran sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus).

4. Bersama-sama ini dilampirkan Borang Pendaftaran, Jadual Kesepuluh Permohonan untuk Peperiksaan serta Jadual Kesebelas Perakuan Perkhidmatan di Bawah Artikel untuk dikemukakan oleh calon kepada LJT. Dokumen tambahan iaitu Surat Lantikan sebagai pensyarah di institusi yang calon sedang berkhidmat perlu disertakan sekiranya berkaitan. Manakala bagi Juruukur Kerajaan boleh mengemukakan Surat Perakuan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia bagi menggantikan Jadual Kesebelas.

5. Borang-borang dan jadual-jadual serta surat yang telah lengkap beserta resit pembayaran hendaklah dihantar ke LJT dalam bentuk salinan fizikal (hardcopy) sebelum **tarikh tutup permohonan dan pembayaran pada 5 Oktober 2026.**

6. Setiap calon hendaklah memastikan syarat-syarat di perenggan 3 dipatuhi semasa menghantar permohonan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pemulangan balik yuran tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Juruukur Tanah
Malaysia

s.k.:

1. Pengerusi
Lembaga Juruukur Tanah
Malaysia
- Untuk makluman YBr. Tuan LSr
2. Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)
- Untuk makluman YBr. Tuan LSr
3. Naib Presiden
Bahagian Geomatik dan Ukur Tanah
Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM)
- Untuk makluman YBr. Tuan LSr

BORANG PENDAFTARAN (MAKLUMAT CALON)

Ruj. Tuan: LJT Sulit 495 Jld.9 / (23)

Tarikh:

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur

YBrs. Tuan LSr,

PEPERIKSAAN BERTULIS DI BAWAH BAHAGIAN I PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011 (PPJTB 2011) DAN BAHAGIAN II PERATURAN- PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2024 (PPJTB 2024)

Saya seperti maklumat di bawah ingin memohon untuk menduduki peperiksaan tersebut di atas yang akan diadakan pada 4 November 2026.

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Alamat Pejabat :
4. No. Telefon (Pejabat) :
No. Telefon (H/P) :
5. Emel :
6. Bilangan / *Attempt* ke :
berapa menduduki
peperiksaan ini

Sila lampirkan bersama:

- 1) Borang Permohonan Peperiksaan (Jadual Kesepuluh)
- 2) Borang Perakuan Perkhidmatan di Bawah Artikel (Jadual Kesebelas)
- 3) Surat Lantikan sebagai Pensyarah (jika berkenaan)
- 4) Slip Pembayaran

TARIKH TUTUP PERMOHONAN & PEMBAYARAN: 5 OKTOBER 2026

BAYARAN SEBANYAK RM200.00 (RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS) PERLU DIBUAT MELALUI:



Bill Code: 2105
Ref-1: <No. HP>
Ref-2: <NAMA/exam kadaster bil 2.2026>

Peringatan: Bayaran yang telah didepositkan tetapi tidak dapat dikenal pasti pengirimnya akan dihantar ke Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara.

"JADUAL KESEPULUH

[Subperaturan 22(1)]

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH 2011

PERMOHONAN UNTUK PEPERIKSAAN

Kepada: Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah

Saya, [No. K/P] memohon
untuk menduduki:

- (i) Bahagian I peperiksaan dengan bayaran RM 400.00
setiap tugas - RM_____
- (ii) Bahagian II peperiksaan dengan bayaran RM200.00
setiap kertas - RM_____
- (iii) Bahagian III peperiksaan dengan bayaran RM 400.00
setiap kehadiran - RM_____

Saya bersetuju untuk mematuhi kaedah-kaedah peperiksaan.

.....
Tandatangan pemohon

Tarikh :

" .

"JADUAL KESEBELAS

[Perenggan 22(2)]

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

PERAKUAN PERKHIDMATAN DI BAWAH ARTIKEL

Saya, dengan ini memperakui seperti berikut:
(juruukur tanah berlesen)

(1) telah menjalankan tugas di bawah Artikel
(orang berartikel)

dalam amalan ukur tanah untuk tempoh..... tahun dan..... bulan
dari hingga

(2) Dalam tempoh tersebut orang berartikel telah menjalankan tugas untuk
di lapangan dan di pejabat untuk tahun dan bulan, yang
..... tahun dan bulan dalam ukur hakmilik dan tahun dan
..... bulan dalam ukur geomatik.

(3) Orang berartikel ini berupaya menjalankan ukur hakmilik dan ukur geomatik
secara bersendirian.

Bertarikh hari ini haribulan,

.....

Juruukur tanah berlesen

".